



Antara graduan Usim yang menerima ijazah dalam bidang masing-masing.

Usim rai 2,502 graduan sempena konvokesyen

SERAMAI 2,502 graduan menerima ijazah di Majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang diadakan tiga hari bermula 7 hingga 9 November lalu di Dewan Tuanku Canselor.

Majlis Konvokesyen kali ini mencatat peningkatan graduan berbanding tahun lalu dengan kenaikan sebanyak 48 peratus. Ia merangkumi pecahan mengikut tahap pendidikan iaitu 34 penerima doktor falsafah (PhD); 142 penerima sarjana; 30 penerima diploma dan 2,296 penerima ijazah sarjana muda. Daripada jumlah tersebut PhD mencatatkan peningkatan 48 peratus, penambahan 34 graduan berbanding 23 graduan tahun lepas. Sarjana meningkat 61 peratus, penambahan kepada 142 graduan berbanding 88 graduan tahun lepas. Turut menunjukkan peningkatan adalah diploma lanjutan sebanyak tiga peratus, penambahan 30 berbanding 29 graduan tahun lepas. Bagi ijazah sarjana

muda, peningkatan 48 peratus, kenalkan kepada 2,292 berbanding 1,549 graduan pada tahun lepas. Majlis konvokesyen ini mencipta sejarahnya apabila melahirkan 10 graduan perintis Program Sarjana Muda Sains Senibina, Fakulti Sains dan Teknologi. Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) juga melahirkan graduan perintis dari tiga program baharunya.

"Saya berharap graduan dapat meluaskan imej dan citra Usim kepada masyarakat yang sentiasa dahagakan ilmuwan profesional berpendidikan sepadu, seterusnya mampu memimpin masyarakat majmuk serta berpotensi tinggi menerajui pembangunan negara," ucap Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Istiadat pembukaan majlis konvokesyen ke-13 itu disempurnakan Canselor Usim, Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz selaku Pro-Canselor Usim turut hadir ke majlis ini.